

09/07/2002

Menamatkan spekulasi demi keutuhan Umno, negara

PERALIHAN kuasa, tidak dapat tidak, sentiasa mencetuskan persoalan berentetan. Tidak hanya berlegar kepada penamaan pengganti, teka-teki akan berlanjutan pula kepada siapa yang akan mengisi setiap satu kekosongan yang ditinggalkan. Daripada kejutan besar pada petang 22 Jun lalu apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyudahi ucapan penggulungannya di Perhimpunan Agung Umno Ke-56 dengan mengumumkan peletakan jawatannya dalam parti dan kerajaan, disusuli pengumuman tiga hari kemudian bahawa Perdana Menteri bersetuju melenghakannya sehingga Oktober 2003, persoalan yang sama tidak dapat dielakkan. Hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dinamakan sebagai pengganti apabila Dr Mahathir berundur nanti, sekadar merancakkan teka-teki mengenai bakal Timbalan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, penggemar spekulasi - dari kalangan kelompok politik hinggalah rakyat biasa di jalanan - bukan mudah diyakinkan. Bayangan yang diberikan Dr Mahathir sekembali daripada percutian Rabu lalu bahawa Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, mungkin menjadi Timbalan Perdana Menteri, menerima reaksi yang pelbagai. Sambil sesetengah beranggapan kenyataan itu menjadi pelengkap peralihan kuasa yang dimaksudkan, sebahagian yang lain pula cenderung melihatnya tidak lebih daripada bayangan semata-mata tanpa sebarang kepastian. Kalau pun bakal Timbalan Perdana Menteri hendak dinamakan, kelompok berkenaan beranggapan ia adalah 'prerogatif' Abdullah sesudah mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri kemudian. Maka, spekulasi mengenainya sekadar dihangatkan.

Dua lagi acara rasmi berbeza - di Jitra, Jumaat lalu dan di Bangkok kelmarin - dijadikan Dr Mahathir sebagai kesempatan untuk memperjelaskan kenapa Najib harus menjadi pilihan sebagai pemimpin nombor dua negara. Didahului oleh kenyataan Dr Mahathir bahawa Najib mendapat 'restu' beliau dan diperkuatkan lagi oleh penjelasan Perdana Menteri bahawa kekananan dan pengalaman Menteri Pertahanan itu meletakkannya sebagai calon paling layak, sebarang keraguan seharusnya tidak timbul lagi. Pada pengamatan dan penelitian Dr Mahathir yang diiktiraf dunia sebagai berwawasan dan berpandangan jauh, Najiblah yang menepati kriteria sebagai pewaris kepemimpinan masa depan - tanpa bermaksud dua lagi Naib Presiden Umno; Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, kurang layak.

Barangkali ramai yang terdorong melihat rentetan 'pengumuman' berkenaan menyalahi tradisi. Kenapa perlunya Dr Mahathir 'mencadangkan' Najib pada ketika diakui bahawa ia adalah hak Abdullah untuk menentukan pilihannya? Jawapannya sudah diberikan oleh Dr Mahathir bahawa bukan niatnya untuk mengikat Abdullah, sebaliknya semata-mata bertujuan mengelakkan perebutan bagi jawatan berkenaan. Lagipun, 'tradisi' seperti yang dilihat ramai bukan pun satu kemestian, sebaliknya lebih sebagai kelaziman. Terutama dan terpenting ialah peralihan kuasa dapat dilakukan selancar mungkin sambil keutuhan parti dapat dipastikan terpelihara. Pengalaman lalu harus menjadi pengajaran bagaimana perebutan sengit terhadap jawatan boleh menjejaskan perpaduan hingga wujud puak-puak yang mengakibatkan perpecahan yang kesudahannya melemahkan Umno sendiri.

Lambat-laun Timbalan Perdana Menteri perlu dinamakan juga. Dan daripada membiarkan ia terus menjadi spekulasi yang memungkinkan penyokong calon-calon yang dirasakan layak berkempen dan melobi sokongan, tiada silapnya Dr Mahathir mencadangkan Najib demi mengelakkan kemungkinan berkenaan. Lagipun, tiada kurangnya Najib yang berwibawa, berkarisma, berkeupayaan serta mendapat sokongan besar di peringkat akar umbi andainya pemilihan

parti pada 11 Mei 2000 dijadikan ukuran. Malah, kalau diamati, apa yang dilakukan Dr Mahathir sebenarnya lebih banyak memudah daripada menyusahkan Abdullah bagi menamakan bakal timbalannya. Pengumuman rasmi yang bakal dibuat Abdullah selepas pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undang Negeri Anak Bukit, 18 Julai ini, boleh dijangka tidak akan berbeza. Lebih cepat spekulasi yang ada ditamatkan, lebih baik bagi Umno dan negara amnya.